

Pengusaha pusat tahfiz digesa tingkat ciri keselamatan

Kuala Terengganu: Hampir semua 15 pusat tahfiz yang dilawati bomba negeri ini sejak Ahad lalu, tidak menitikberatkan soal keselamatan tangga dan jalan keluar untuk kes kecemasan.

Sehubungan itu, Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Terengganu, Sharikan Bustaman, berkata semua pengusaha pusat tahfiz di negeri ini diminta menambah jumlah tangga dan pintu keluar di asrama dan bilik darjah, bagi memudahkan usaha menyelamatkan sekiranya kecemasan.

"Ada 47 pusat tahfiz berdaftar dengan bomba dan 15 daripadanya sudah diperiksa. Kebanyakannya hanya ada satu tangga dan laluan keluar juga sempit.

"Bagaimanapun, kita tidak membuat sebarang penguatkuasaan kepada pusat tahfiz yang bermasalah kerana pada peringkat ini kita cuma memberi taklimat serta mengajar cara pelepasan diri serta memadam api kepada penghuni.

Ketahui langkah keselamatan

"Dengan cara ini, kita berharap pengusaha, pelajar, warden dan tenaga pengajar tahu langkah keselamatan yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan," katanya selepas melawat Kompleks Tahfiz Anak Yatim Darul Hijrah, Chendering, di sini semalam.

Beliau berkata, bomba akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelajar tahfiz termasuk warden dan guru mendapat pengetahuan mencukupi terutama cara menyelamatkan diri ketika kecemasan.

Sharikan juga meminta semua pusat tahfiz, sama ada yang sudah berdaftar atau tidak segera tampil dan menghadiri kursus keselamatan pada peringkat negeri yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Kita akan pastikan semua pusat tahfiz berdaftar dilawati dalam tempoh tidak sampai dua bulan ini, malah akan buat latihan mengejut di seluruh pusat tahfiz bagi melihat sama ada pelajar dan warden bersedia sekiranya berlaku kecemasan," katanya.

Sementara itu, Pengasas Kompleks Tahfiz Anak Yatim Darul Hijrah, Wan Muhammad Mizan W Abdul Latif berkata kebakaran di asrama lelaki akibat litar pintas tahun lalu, membuatkan pihaknya sedar keperluan berdaftar dengan pihak berkuasa.

"Selepas kebakaran itu, kami segera menubuhkan jawatankuasa keselamatan sekiranya berlaku musibah dan bencana," katanya.



Kebanyakannya hanya ada satu tangga dan laluan keluar juga sempit"

Sharikan Bustaman,
Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Terengganu